NO SOALAN :39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD**
		(LIPIS)
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2015**

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peniaga yang telah dikenakan tindakan serta jumlah bayaran denda yang telah diperoleh daripada peniaga yang mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang tidak berdaftar dengan pihak kastam dan jumlah kes yang menyalahgunakan GST untuk menaikkan harga barang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara aduan pelaksanaan GST yang diterima oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah berhubung:

a. Orang yang berdaftar tidak mengeluarkan invois cukai atau mengeluarkan invois cukai yang tidak mematuhi kehendak dan butiran yang ditetapkan oleh undang-undang yang mana merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 33(2) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan jika disabitkan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM30,000, penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya; dan
b. Orang yang tidak berdaftar mengeluarkan invois yang mengenakan GST yang mana merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 33(10) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan jika disabitkan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun dan denda 2 kali ganda amaun cukai yang dikenakan.

Sehingga 18 Mei 2015, 4 kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk dipertuduhkan. Bagaimanapun, hanya 2 kes yang diberi kebenaran untuk dituduh, 1 kes diarah melaksanakan siasatan lanjut dan satu lagi diputuskan tiada kes.

Di peringkat awal fasa pelaksanaan GST, pihak JKDM juga mengambil pendekatan untuk membetulkan semua kesilapan teknikal yang tidak disengajakan. Bagi kes-kes ini sebegini, peniaga diberi penjelasan yang tepat dalam kadar segera serta diberi peringatan dan tempoh untuk memperbaiki kesilapan berkenaan.

Bagi KPDNKK pula, sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **52 kertas siasatan** telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011. Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei 2015 adalah seperti yang berikut:

i. **5 kes telah selesai** di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
ii. kes yang **telah dituduh dan masih belum selesai** adalah sebanyak **4 kes** iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan
iii. **3 kes** telah **ditawarkan kompaun**.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]**
TARIKH	:	**11 JUN 2015 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**40**

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

(a) Status dan kedudukan terkini perundingan penyelesaian di antara Kerajaan dengan Beta Tegap Sdn. Bhd. dan ATES Sdn. Bhd. dan jumlah pampasan yang bakal dibayar Kerajaan; dan

(b) Status kes arbitrasi yang dirujuk oleh Beta Tegap dan ATES kepada Kuala Lumpur Regional Centre of Arbitration (KLRCA; serta status rundingan pengambilalihan projek AES tersebut oleh Kerajaan melalui entiti usahasama di antara Boustead Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Proses pengambilalihan telah selesai sepenuhnya dan pada masa ini, keseluruhan kepentingan dan pemilikan syarikat penyedia perkhidmatan AES telah diambil alih sepenuhnya oleh LTAT dan syarikat subsidiarinya (Irat Properties Sdn. Bhd. dan Boustead Holdings Berhad). Pengambilalihan ini merupakan transaksi komersil di antara pihak berkepentingan dan tidak melibatkan transaksi komersil bayaran pampasan oleh Kerajaan kepada syarikat A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. Oleh yang demikian, perkara bayaran pampasan oleh Kerajaan disebabkan pengambilalihan tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Projek AES tidak melibatkan pengambilalihan oleh Kerajaan. Pengambilalihan ini merupakan transaksi komersil antara LTAT dan syarikat subsidiarinya (Irat Properties Sdn. Bhd. dan Boustead Holdings Berhad) bersama syarikat A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd dan tidak melibatkan transaksi antara Kerajaan kepada syarikat A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd.

Berhubung kes timbangan tara *(arbitration)* yang difailkan oleh kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan sebelum ini, untuk makluman Dewan Yang Mulia, kes tersebut telah ditangguhkan oleh pemilik syarikat yang lama A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. Pihak LTAT dan syarikat subsidiarinya dalam proses untuk membatalkan kes timbang tara berkenaan.